

02 APR 2000

Umno-Mesyuarat

CUMA SEMBILAN UMNO BAHAGIAN YANG BELUM BERMESYUARAT

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Cuma sembilan Umno bahagian yang perlu mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing sebelum pemilihan parti Mei ini.

Bahagian-bahagian itu ialah Bandar Tun Razak dalam Wilayah Persekutuan dan selebihnya di Pahang iaitu Pekan, Maran, Jerantut, Rompin, Temerloh, Bentong, Raub dan Mentakab.

Mesyuarat perwakilan Bandar Tun Razak ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan berikutan kekecohan dalam bahagian ketika mesyuarat pada 26 Mac lepas.

Mesyuarat perwakilan lapan bahagian di Pahang turut ditangguhkan bagi membolehkan anggota parti memberi tumpuan kepada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggah yang dimenangi Barisan Nasional semalam.

Pada pilihan raya kecil itu calon BN Redzwan Harun memperolehi 6,743 undi sementara calon Pas Datuk Hishamuddin Yahaya mendapat 4,780 undi.

Umno bahagian Pekan, Maran, Jerantut dan Rompin akan mengadakan mesyuarat masing-masing pada Sabtu sementara bahagian Temerloh, Bentong dan Raub Ahad depan dan bahagian Mentakab pada 19 April.

Hari ini empat Umno bahagian iaitu Kuala Kangsar dan Bukit Gantang di Perak dan Shah Alam dan Gombak di Selangor mengadakan mesyuarat masing-masing.

Ini menjadikan jumlah bahagian yang telah mengadakan mesyuarat sebanyak 156 termasuk Umno bahagian Gua Musang yang tidak membuat pencalonan bagi semua jawatan tertinggi parti.

Kesemua Umno bahagian yang bermesyuarat hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden Umno.

Dr Mahathir kini mendapat 154 pencalonan sementara Abdullah 153 pencalonan

Bagi jawatan naib presiden, penyandang Datuk Seri Najib Razak mendapat sokongan daripada keempat-empat bahagian itu menjadikan pencalonan yang diterima setakat ini sebanyak 143

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar turut mendapat pencalonan daripada keempat-empat bahagian itu menjadikan jumlah pencalonan yang diterima setakat ini 54.

Penyandang Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, Datuk Osu Sukam, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Datuk Seri Syed Hamid Albar masing-masing memperolehi satu pencalonan hari ini.

Jumlah pencalonan yang diperolehi Muhammad setakat ini ialah 29, Osu (37), Mohd Isa (26) dan Syed Hamid (34).

Calon lain bagi jawatan itu yang kekal pencalonan ialah Datuk Abdul Ghani Othman (74), Tan Sri Muhyiddin Yassin (29), Datuk Dr Rais Yatim (21), Tengku Razaleigh Hamzah (13), Datuk Tajol Rosli Ghazali (3) dan Tan Seri Sanusi Junid (1).

Tengku Razaleigh pula memerlukan tiga lagi pencalonan bagi melayakkan beliau bertanding jawatan berkenaan.

Sementara itu, tiada mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno hari ini.

Pemangku Ketua Datuk Hishammuddin Hussein kekal 159 pencalonan

sementara Raja Munir Raja Mustapha satu. Hanya lima bahagian yang perlu mengadakan mesyuaratnya.

Bagi jawatan Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz kekal 91 pencalonan dan penyandang, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman (68).

Bagi jawatan naib ketua, penyandang Datuk Napsiah Omar yang mendapat 23 pencalonan setakat ini memerlukan tiga lagi pencalonan untuk melayakkan beliau mempertahankan jawatan itu.

Hanya tinggal enam Pergerakan Wanita Umno bahagian yang perlu menyelesaikan mesyuarat masing-masing.

Calon-calon lain jawatan itu Datuk Shahrizat Abdul Jalil mendapat 88 pencalonan setakat ini dan pencabar terdekat Ainon Khariyah Mohd Abas kekal 48 pencalonan.

-- BERNAMA

ARA FAZ